PANDUAN AM BAGI PERMOHONAN SALINAN PENDUA SIJIL PENDAFTARAN PKK / SIJIL TARAF BUMIPUTERA

1. SIJIL HILANG

i) **SURAT PERMOHONAN SYARIKAT** yang memaklumkan kehilangan Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Sijil Kontrak Kerja Taraf Bumiputera kepada PKK dengan menggunakan *Letter Head* Syarikat yang ditandatangani oleh **kesemua penama** (seperti mana yang tercatat di dalam sijil);

ii) **LAPORAN POLIS** yang asal oleh **salah seorang** penama;

iii) **SURAT AKUAN BERKANUN** (Surat Sumpah) seperti **Lampiran A** oleh **salah seorang penama** selain dari penama (ii) – jika penama lebih daripada seorang mengikut format **AKTA AKUAN BERKANUN 1960 – (Akta 13) dan dimetrai *(stamping)* dengan setem (Duti Setem / Setem Hasil RM10.00)**; dan

iv) **SALINAN** sijil asal tersebut (jika ada).

2. SIJIL ROSAK

i) **SURAT PERMOHONAN SYARIKAT** yang memaklumkan Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Sijil Kontrak Kerja Taraf Bumiputera telah rosak kepada PKK dengan menggunakan *Letter Head* Syarikat yang ditandatangani oleh **kesemua penama** (seperti mana yang tercatat di dalam sijil); dan

ii) Mengembalikan **SIJIL ASAL** yang rosak.

***Catatan :-**

a. Salinan Pendua tidak akan dikeluarkan sekiranya Sijil Asal hilang dalam masa **kurang daripada 3 bulan** tempoh sahlaku sijil asal. Walau bagaimanapun, surat pengesahan dari Kementerian boleh dikeluarkan bagi tujuan pembelian dokumen tender dalam tempoh sebelum sijil baru dikeluarkan.

b. Salinan Pendua hanya akan dikeluarkan **sekali sahaja** dalam tempoh sah laku pendaftaran.

c. **Sila hantar permohonan lengkap ke alamat :**

Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Kerja Raya Malaysia
Aras 5, Blok Menara
No. 18, Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
(U/P : En. Abdul Rahman Bin Abdul Rahim – Unit Penguatkuasaan)

☎ **: 03-88805225**
🖷 **: 03-88805339**
✉ **: arahman@kkr.gov.my**

LAMPIRAN A

CONTOH
(Stamping Setem Hasil – RM10.00)

AKTA AKUAN BERKANUN 1960
(AKTA 13)
BORANG AKUAN BERKANUN

Saya, (penama dalam sijil yang tidak membuat laporan polis, jika penama lebih dari seorang), KPT No. ....., yang tinggal di ..... bagi pihak Lembaga Pengarah Syarikat (Nama Syarikat) ..... dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa:

Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan / atau Sijil Kontrak Kerja Taraf Bumiputera PKK telah hilang kerana: (nyatakan sebab dan alasan kehilangan).

Semua maklumat dan butir-butir yang terkandung di dalam akuan ini adalah benar dan saya bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya ada sebarang bantahan di masa hadapan oleh mana-mana pihak disebabkan oleh pengakuan saya ini; dan

Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut peruntukan AKTA BERKANUN 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya)
Diakui oleh namanya yang tersebut di atas) (Tandatangan).....
Iaitu .....)
Di .....) (KPT).....
.....)

Pada ..... haribulan ..... tahun .....

Dihadapan saya,

.....